

F.A.Q: PROGRAM BERKAT KORBAN AEON – SMAHI – KKGTR (1441H / 2020M)

A. Tempahan

1. Bagaimanakah caranya untuk membuat tempahan Berkat Korban?

Semua tempahan hanya melalui kaunter di customer service Aeon atau melalui online

www.smahi.my atau melalui 3 NGO yg di lantik iaitu:-

1. Koperasi Guru Sekolah Islam Darul Ehsan

2 MyEnsani

3. Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR)

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan dengan Berkat Korban

www.myensani.com

*pending to discuss

B. Pembayaran

1. Bolehkah saya membayar secara ansuran bagi pakej Berkat Korban ini?

Semua bayaran perlu dijelaskan sepenuhnya ketika membuat tempahan.

C. Pengagihan

1. Bolehkah saya tentukan sendiri kawasan / asnaf yang akan menerima bahagian korban saya?

Lokasi dan tarikh penyerahan kepada asnaf /fakir miskin dan mereka yg layak menerimanya akan ditentukan oleh 3 NGO tersebut

2. Bolehkah saya tentukan sendiri badan NGO yang akan mengagihkan bahagian korban saya?

Hanya 3 NGO tersebut telah di pilih oleh pihak pengajur program utk pengagihan daging korban

3. Bagi pakej Berkat Korban Infaq, bolehkah saya ambil sebahagian daging dan sedekahkan bahagian selebihnya?

Peserta ada 2 pilihan samada untuk mengambil bahagian korban tersebut sepenuhnya atau menginfaqkan sepenuhnya untuk diuruskan oleh NGO yang dilantik.

4. Adakah saya akan menerima bukti seperti gambar serahan kepada asnaf dari pihak NGO yang melaksanakan pengagihan tersebut?

Ya, pihak NGO akan memberi bukti bergambar setiap bahagian daging yg diserahkan kepada penerima

5. Jika saya tidak dapat hadir, bolehkah wakil mengambil daging bahagian korban saya?

Boleh dengan membawa resit atau bukti pembayaran ke mana2 cawangan AEON

D. Lain-lain

1. Bolehkah saya melihat proses penyembelihan haiwan korban saya?

Proses penyembelihan akan dirakam dan setiap lembu korban akan diberikan senarai nama peserta berkat korban ini

2. Adakah saya akan menerima sijil penyertaan korban bagi bahagian yang saya laksanakan?

Setiap peserta berkat korban akan di berikan e-sijil penyertaan selepas ibadah korban dilaksanakan.

3. Bagaimanakah daging korban tersebut akan dibungkus?

Daging korban di bungkus segar, divakum pek dan disejuk beku bagi menjamin kesegaran sebelum di agihkan.

Apakah nilai tambah dan keistimewaan pada harga yang ditawarkan pakej Berkat Korban?

- 1. Program Berkat Korban dipantau oleh panel syariah yang diketuai oleh Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Chairman Shariah Advisory Council at the Central Bank of Malaysia, the Securities Commission of Malaysia.**
- 2. Proses penyembelihan halal yang moden dan efisyen.**
- 3. Proses pembungkusan secara ‘vacuum pack’ dan penyimpanan sejukbeku bagi menjamin kesegaran daging tersebut.**
- 4. Proses pengedaran yang sistematik dicawangan-cawangan AEON diseluruh negara.**
- 5. Keseluruhan proses mengikuti syarak dan garis panduan yang ditetapkan.**
- 6. Cara pengedaran kepada asnaf/fakir mengikut syarak.**
- 7. Pengedaran kepada asnaf/fakir mengikut syarak dan tiada kos tambahan dan sedikit imbuhan untuk program infaq bagi masjid/surau/NGO yang menjadi wakil kepada pihak kami.**
- 8. Saiz lembu dan anggaran daging diperolehi dinyatakan.**
- 9. Gambar-gambar proses perlaksanaan ibadah korban diberikan kepada peserta.**
- 10. Memudahkan perlaksanaan ibadah korban dalam keadaan SOP yang agak ketat akibat wabak Covid-19.**